



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008

### **HARI TERBUKA PUTRAJAYA 2024 PECAH REKOD *THE BIGGEST HEART-SHAPED CUPCAKES FORMATION***

**PUTRAJAYA, 3 FEBRUARI 2024** – Perbadanan Putrajaya (PPj) sekali lagi memecahkan pengiktirafan The Malaysia Book of Records (MBOR) bagi *The Biggest Heart-Shaped Cupcakes Formation* sempena penganjuran Hari Terbuka Putrajaya 2024 (POD2024) hari ini di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Usaha memecahkan pengiktirafan ini adalah dengan kerjasama PPJ dan Bahagian Pendidikan Latihan dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia. Melibatkan 7 Kolej Vokasional iaitu Kolej Vokasional Sultan Abdul Samad, Kolej Vokasional Sepang, Kolej Vokasional Kuala Selangor, Kolej Vokasional ERT Setapak, Kolej Vokasional Dato' Undang Haji Muhammad Sharip, Kolej Vokasional Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan Kolej Vokasional Sg. Petani 2.

Sebanyak 10,124 biji kek cawan berwarna merah, kuning, putih, hijau dan oren telah disusun dalam bentuk hati dengan tulisan POD2024 ditengah-tengah. Jumlah tersebut dipilih bagi mewakili simbolik setiap nombor yang memberi makna kepada pengiktirafan MBOR ini. Nombor 10 mewakili 10,000 bijil kek cawan yang perlu dihasilkan bagi mencapai pengiktirafan MBOR, 12 pula adalah merupakan tarikh bagi sambutan Hari Wilayah Persekutuan iaitu pada 1 Februari setiap tahun, nombor 24 pula merupakan tahun semasa rekod ini dipecahkan iaitu tahun 2024. Manakala pemilihan warna kek cawan tersebut adalah berdasarkan warna bendera Malaysia, logo PPj dan warna baju korporat Kolej Vokasional Malaysia.

Mengikut rekod MBOR sebelum ini, rekod yang sama telah dipegang oleh Gurney Paragon Mall (di bawah Hunza Properties) pada 9 Februari 2020 dengan menggunakan lebih daripada 5000 kek cawan.

**(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Februari 2024

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564